

03 FEB 1997

KELANTAN SOKONG KERAJAAN PUSAT BANTERAS MASALAH SOSIAL

KOTA BAHARU, 3 Feb (Bernama) -- Kerajaan negeri pimpinan Pas bersedia untuk membantu kerajaan pusat menangani masalah sosial membabitkan kalangan belia, kata Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri menyokong penuh langkah yang sedang dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memerangi gejala keruntuhan akhlak di kalangan muda-mudi negara ini.

"Arahan supaya pusat hiburan di seluruh negara menamatkan perniagaan menjelang tengah malam amat kita sokong malah Kelantan tidak lagi membenarkan pusat hiburan beroperasi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bungkusan juadah hari raya untuk pasukan keselamatan di Kota Darul Naim di sini.

Mengenai langkah Dr Mahathir mengadakan mesyuarat khas dengan pegawai Majlis Agama Islam dan pihak masjid berhubung keruntuhan moral di kalangan belia di Lembah Klang pada Rabu ini, Nik Aziz berkata beliau sanggup hadir untuk membantu dan memberikan pandangannya jika dijemput. -- BERNAMA

RAR NMO